



## **TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KEMPEN KESEDARAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN “ENVIRONMENTAL HYGIENE AWARENESS CAMPAIGN”**

### **A. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

1. Pertandingan Video Pendek Kempen Kesedaran Kebersihan Persekutaran atau Environmental Hygiene Awareness Campaign adalah anjuran Majlis Perbandaran Kubang Pasu.
2. Tempoh pertandingan ini adalah **bermula dari 15 OGOS 2022 hingga 15 SEPTEMBER 2022**.
3. Tema pertandingan adalah “**KUBANG PASU BERSIH-INDAH**”.
4. Video yang dihasilkan **PERLU** mengandungi **aspek pembuangan sampah yang baik (littering)** melibatkan tong-tong sampah berpusat atau tong sampah individu (perumahan, perniagaan dan ditempat-tempat awam) yang menjurus kepada kebersihan dalam kalangan masyarakat.
5. Kategori pertandingan :
  - a) **Terbuka**
  - b) **Sekolah Menengah**

### **B. KELAYAKAN PERTANDINGAN**

1. Pertandingan ini terbuka kepada **semua warganegara Malaysia yang menetap dalam daerah Kubang Pasu**.

### **C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN**

1. Penyertaan adalah percuma.
2. Penyertaan adalah secara **individu atau berkumpulan**. Bagi penyertaan berkumpulan , setiap kumpulan hendaklah **tidak lebih dari 4 orang (termasuk ketua kumpulan)**. Borang ahli kumpulan seperti di **Lampiran A**.
3. Produksi mestilah karya asal pemohon dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
4. Peserta dan pelakon **di bawah umur 18 tahun** yang terlibat dalam penghasilan video perlu mengisi Borang Kebenaran Ibumapa/Penjaga di **Lampiran B**.
5. Genre terbuka seperti drama, sketsa, komedi dan dokumentari.

6. Pihak pengajur tidak bertanggungjawab untuk mnenanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta.
7. **TIDAK DIBENARKAN** menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video pendek ini.
8. Video yang dihasilkan haruslah **tidak melebihi 4 minit**.
9. Peserta dibenarkan menghasilkan video dengan menggunakan bahasa-bahasa berikut beserta **SARIKATA BAHASA MALAYSIA ATAU BAHASA INGGERIS**:
  - Bahasa Malaysia
  - Bahasa Inggeris
  - Bahasa Mandarin
  - Bahasa Tamil
10. Video dihasilkan perlu mempunyai kualiti gambar dan suara yang baik serta jelas.
11. Setiap video perlu mempunyai logo Majlis Perbandaran Kubang Pasu di akhir video.
12. Kandungan video pendek mestilah mempunyai unsur-unsur kesedaran sivik yang relevan dengan perkembangan semasa.
13. **5** video pendek terbaik setiap kategori akan dipilih oleh pihak Majlis Perbandaran Kubang Pasu untuk dimuat naik ke dalam media sosial rasmi Majlis Perbandaran Kubang Pasu.
14. **3** Video pendek setiap kategori yang mendapat tontonan (view), tanda suka (like) dan perkongsian (share) yang terbanyak akan dipilih sebagai pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga.

#### D. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Kesemua penyertaan adalah menjadi hak milik Majlis Perbandaran Kubang Pasu (pengajur).
2. Pihak pengajur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedari, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana hasil karya yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan pengajur. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.
3. Video yang dihantar akan dinilai terlebih dahulu oleh pihak pengajur bagi mendapatkan watermark Majlis Perbandaran Kubang Pasu sebelum dimuat naik ke laman web dan facebook rasmi Majlis Perbandaran Kubang Pasu.

#### E. HADIAH

1. Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut:
    - Hadiah Tempat Pertama : RM3,000 dan Sijil Penyertaan
    - Hadiah Tempat Kedua : RM2,000 dan Sijil Penyertaan
    - Hadiah Tempat Ketiga : RM1,000 dan Sijil Penyertaan
- \* Semua peserta akan diberikan Sijil Penyertaan

2. Penilaian akan dilakukan berdasarkan keaslian, teknik, kreativiti dan keupayaan untuk menyampaikan mesej secara kreatif.
3. Keputusan pengadil adalah **MUKTAMAD**. Rayuan atau pertikalan tidak akan dilayan.
4. Pemenang akan dihubungi melalui surat rasmi, telefon atau emel.

#### **F. TEMPOH PERTANDINGAN**

1. Tarikh Tutup Pertandingan: **Selewat-lewatnya sebelum jam 12.00 tengahari pada 15 SEPTEMBER 2022.**
2. Peserta hendaklah mengisi dengan lengkap **Borang Penyertaan yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Majlis Perbandaran Kubang Pasu.**
3. Peserta boleh menghantar penyertaan menggunakan platform **Telegram** Majlis Perbandaran Kubang Pasu di talian **011-58507867** atau penyertaan secara terus (by-hand) kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat & Perhubungan Awam, Aras 1, MPKP beserta karya video pendek yang asal **dalam bentuk softcopy (DVD) dengan format Full HD 1920x1080, File MP4 Audio Stereo.** Pihak pengajur tidak menerima penyertaan yang dihantar melalui pos.
4. Pihak pengajur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup pertandingan.